VOT 74074

AN INTELLIGENT DATA MAPPING FOR HYDROLOGICAL INFORMATION SISTEM (HIS) USING CUBE DATABASES TO CATER FROM VARIOUS DATA TYPE

(PENGEKSTRAKAN DATA PINTAR UNTUK SISTEM MAKLUMAT HIDROLOGI (SMH) MENGGUNAKAN PANGKALAN DATA KIUB UNTUK PEMETAAN DATA YANG MEMPUNYAI PELBAGAI FORMAT)

HARIHODIN BIN SELAMAT
MOHD SHAFRY BIN MOHD RAHIM
DAUT BIN DAMAN

RESEARCH VOTE NO:
74074

Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat
Universiti Teknologi Malaysia

2005

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN
LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

TAJUK PROJEK : **An Intelligent Data Mapping For Hydrological Information System (HIS) Using Cube Database to Cater from Various Data Types**

Saya _____PROF MADYA DR HARIHODDIN SELAMAT_____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan **Laporan Akhir Penyelidikan** ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat penjualan salinan Laporan Akhir Penyelidikan ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
4. *Sila tandakan (✓)

☐	SULIT	(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
☐	TERHAD	(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dibuat)
☑	TIDAK TERHAD	

_____
(TANDATANGAN KETUA PENYELIDIK)

_____
Nama & Cop Ketua Penyelidik

Tarikh:_____

CATATAN: * *Jika Laporan Akhir Penyelidikan ini SULIT atau TERHAD, Sila Lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD*

ABSTRACT

Information Extraction is a process that extracts information from existing system source and stores into a database. Previous researchers had focus on information extraction for HTML data using wrapper approach. The drawback from this approach is resiliency where wrapper fails to function when the file of interest's structure changes. Ontology based information extraction is an alternative solution for this problem. In this research, ontology based information extraction used hydrological data from Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) as the case study. Ontology based information extraction for hydrology domain or also known as 'EkstrakPro' is divided into three main processes; which are ontology parser process, keyword and sequences recognition process, and a data mapping process. 'EkstrakPro' used two inputs; the hydrology data and ontology extraction. An important feature in 'EkstrakPro' is that ontology extraction, where unit object is introduced to simplify the ontology maintenance. The sequential recognition algorithm is to solve the time consuming issues for extracting sequential data. Five types of hydrological data are used in the experiment. These data are divided into three categories; (i) original data taken from gauging machine, (ii) the altered data and (iii) the different sizes of data. Based on these categories, the information extraction resiliency and time taken have been measured using a precise equation and O-notation. The results show that prototype 'EkstrakPro' can extract different structure hydrology data correctly by using only one algorithm. Using sequential recognition algorithm can also further reduce the time required for extraction of information. The result of the research proves that information extraction can be solved using ontology approach.

ABSTRAK

Pengekstrakan maklumat merupakan satu proses yang mengekstrak maklumat daripada sumber sistem sedia ada dan menyimpannya ke dalam pangkalan data. Penyelidikan terdahulu tertumpu kepada pengekstrakan maklumat data HTML menggunakan pendekatan *wrapper*. Kelemahan pendekatan ini adalah dari segi ketahanan di mana *wrapper* gagal berfungsi dengan baik jika terdapat perubahan pada struktur fail yang ingin di ekstrak. Pengekstrakan maklumat berasaskan ontologi merupakan penyelesaian alternatif kepada masalah ketahanan. Di dalam penyelidikan ini, pengekstrakan maklumat berasaskan ontologi menggunakan data hidrologi dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebagai kajian kes. Pengekstrakan maklumat ontologi bagi domain hidrologi dikenali sebagai ‘EkstrakPro’ terbahagi kepada tiga proses utama; iaitu proses penghuraian ontologi, proses pengecam jujukan dan kata kunci serta proses pemetaan data. ‘EkstrakPro’ menggunakan dua input; data hidrologi dan ontologi pengekstrakan. Ciri penting ‘EkstrakPro’ adalah ontologi pengekstrakan, di mana unit objek diperkenalkan bagi memudahkan selenggara ontologi. Algoritma pengecam jujukan menyelesaikan isu penggunaan masa dalam mengekstrak data berjujukan. Lima jenis data hidrologi digunakan di dalam eksperimen. Data-data ini dibahagikan kepada tiga kategori; (i) Data asal daripada mesin bacaan, (ii) data yang diubahsuai dan (iii) perbezaan saiz data. Berdasarkan kategori tersebut, ketahanan pengekstrakan maklumat dan masa yang digunakan dapat diukur menggunakan rumusan ketepatan dan notasi-O. Keputusan menunjukkan prototaip ‘EkstrakPro’ boleh mengekstrak data hidrologi dengan struktur yang berbeza dengan tepat dan menggunakan hanya satu algoritma. Algoritma pengecam jujukan boleh juga mengurangkan masa yang diperlukan oleh pengekstrakan maklumat. Hasil penyelidikan ini membuktikan masalah pengekstrakan maklumat dapat diselesaikan dengan pendekatan ontologi.

"Kami akui karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya jelaskan sumbernya"

Tandatangan	:_____
Nama Ketua Penyelidik	: PROF MADYA DR HARIHODIN SELAMAT
Tarikh	: 29.12.2005

Tandatangan	:_____
Nama Penyelidik I	: MOHD SHAFRY MOHD RAHIM
Tarikh	: 29.12.2005

Tandatangan	:_____
Nama Penyelidik II	: PROF MADYA DAUT DAMAN
Tarikh	: 29.12.2005

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya laporan ini dapat disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat atas bimbingan dan penyeliaan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan dijalankan.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Pengekstrakan maklumat merupakan satu proses yang mengekstrak maklumat daripada sumber sistem sedia ada dan menyimpannya ke dalam pangkalan data. Penyelidikan terdahulu tertumpu kepada pengekstrakan maklumat data HTML menggunakan pendekatan *wrapper*. Kelemahan pendekatan ini adalah dari segi ketahanan di mana *wrapper* gagal berfungsi dengan baik jika terdapat perubahan pada struktur fail yang ingin di ekstrak. Pengekstrakan maklumat berasaskan ontologi merupakan penyelesaian alternatif kepada masalah ketahanan. Di dalam penyelidikan ini, pengekstrakan maklumat berasaskan ontologi menggunakan data hidrologi dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebagai kajian kes. Pengekstrakan maklumat ontologi bagi domain hidrologi dikenali sebagai ‘EkstrakPro’ terbahagi kepada tiga proses utama; iaitu proses penghuraian ontologi, proses pengecam jujukan dan kata kunci serta proses pemetaan data. ‘EkstrakPro’ menggunakan dua input; data hidrologi dan ontologi pengekstrakan. Ciri penting ‘EkstrakPro’ adalah ontologi pengekstrakan, di mana unit objek diperkenalkan bagi memudahkan selenggara ontologi. Algoritma pengecam jujukan menyelesaikan isu penggunaan masa dalam mengekstrak data berjujukan. Lima jenis data hidrologi digunakan di dalam eksperimen. Data-data ini dibahagikan kepada tiga kategori; (i) Data asal daripada mesin bacaan, (ii) data yang diubahsuai dan (iii) perbezaan saiz data. Berdasarkan kategori tersebut, ketahanan pengekstrakan maklumat dan masa yang digunakan dapat diukur menggunakan rumusan ketepatan dan notasi-O. Keputusan menunjukkan prototaip ‘EkstrakPro’ boleh mengekstrak data hidrologi dengan struktur yang berbeza dengan tepat dan menggunakan hanya satu algoritma. Algoritma pengecam jujukan boleh juga mengurangkan masa yang diperlukan oleh pengekstrakan maklumat. Hasil penyelidikan ini membuktikan masalah pengekstrakan maklumat dapat diselesaikan dengan pendekatan ontologi.

ABSTRACT

Information Extraction is a process that extracts information from existing system source and stores into a database. Previous researchers had focus on information extraction for HTML data using wrapper approach. The drawback from this approach is resiliency where wrapper fails to function when the file of interest's structure changes. Ontology based information extraction is an alternative solution for this problem. In this research, ontology based information extraction used hydrological data from Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) as the case study. Ontology based information extraction for hydrology domain or also known as 'EkstrakPro' is divided into three main processes; which are ontology parser process, keyword and sequences recognition process, and a data mapping process. 'EkstrakPro' used two inputs; the hydrology data and ontology extraction. An important feature in 'EkstrakPro' is that ontology extraction, where unit object is introduced to simplify the ontology maintenance. The sequential recognition algorithm is to solve the time consuming issues for extracting sequential data. Five types of hydrological data are used in the experiment. These data are divided into three categories; (i) original data taken from gauging machine, (ii) the altered data and (iii) the different sizes of data. Based on these categories, the information extraction resiliency and time taken have been measured using a precise equation and O-notation. The results show that prototype 'EkstrakPro' can extract different structure hydrology data correctly by using only one algorithm. Using sequential recognition algorithm can also further reduce the time required for extraction of information. The result of the research proves that information extraction can be solved using ontology approach.

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN

AI	-	*Artificial Intelligent*
BYU	-	*Brigham Young University*
CSV	-	*Comma Separated Variable*
IE	-	*Information Extraction*
JPS	-	Jabatan Pengairan dan Saliran
MHIS	-	*Malaysian Hydrology Information System*
MIT	-	*Molecule Information Table*
NPL	-	*Natural Language Processing*
SRM	-	*Single Robust Model*
UO	-	Unit Objek

SENARAI LAMPIRAN

VOT 74074

SPATIAL AND NON-SPATIAL DATABASES ENHANCEMENT FOR HYDROLOGICAL INFORMATION SYSTEM (HIS)

(PENGEKSTRAKAN DATA BERASASKAN PENDEKATAN ONTOLOGI : KES DATA JUJUKAN HIDROLOGI)

HARIHODIN SELAMAT
MOHD SHAFRY MOHD RAHIM
DAUT DAMAN

RESEARCH VOTE NO:
74074

Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat
Universiti Teknologi Malaysia

2005

"Kami akui karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya jelaskan sumbernya"

Tandatangan :_____

Nama Ketua Penyelidik: PROF MADYA DAUT DAMAN

Tarikh : 2.2.2002

Tandatangan :_____

Nama Penyelidik I : PROF MADYA DR HARIHODIN SELAMAT

Tarikh : 2.2.2002

Tandatangan :_____

Nama Penyelidik II : MOHD SHAFRY MOHD RAHIM

Tarikh : 2.2.2002

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya laporan ini dapat disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia laporan, Prof. Madya Dr. Harihodin Selamat, Prof. Madya Daut bin Daman dan En. Mohd Shafry bin Mohd Rahim atas bimbingan dan penyeliaan yang diberi sepanjang tempoh penyediaan laporan. Saya juga terhutang budi diatas kesudian mereka membiayai pengajian sarjana ini.

Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan buat isteri tercinta Puteri Suhaiza Sulaiman yang banyak memberi pandangan dan kritikan. Tanpa sokongan beliau, laporan ini tidak akan sama seperti yang dibentangkan disini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Pengekstrakan maklumat merupakan satu proses yang mengekstrak maklumat daripada sumber sistem sedia ada dan menyimpannya ke dalam pangkalan data. Penyelidikan terdahulu tertumpu kepada pengekstrakan maklumat data HTML menggunakan pendekatan *wrapper*. Kelemahan pendekatan ini adalah dari segi ketahanan di mana *wrapper* gagal berfungsi dengan baik jika terdapat perubahan pada struktur fail yang ingin di ekstrak. Pengekstrakan maklumat berasaskan ontologi merupakan penyelesaian alternatif kepada masalah ketahanan. Di dalam penyelidikan ini, pengekstrakan maklumat berasaskan ontologi menggunakan data hidrologi dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebagai kajian kes. Pengekstrakan maklumat ontologi bagi domain hidrologi dikenali sebagai ‘EkstrakPro’ terbahagi kepada tiga proses utama; iaitu proses penghuraian ontologi, proses pengecam jujukan dan kata kunci serta proses pemetaan data. ‘EkstrakPro’ menggunakan dua input; data hidrologi dan ontologi pengekstrakan. Ciri penting ‘EkstrakPro’ adalah ontologi pengekstrakan, di mana unit objek diperkenalkan bagi memudahkan selenggara ontologi. Algoritma pengecam jujukan menyelesaikan isu penggunaan masa dalam mengekstrak data berjujukan. Lima jenis data hidrologi digunakan di dalam eksperimen. Data-data ini dibahagikan kepada tiga kategori; (i) Data asal daripada mesin bacaan, (ii) data yang diubahsuai dan (iii) perbezaan saiz data. Berdasarkan kategori tersebut, ketahanan pengekstrakan maklumat dan masa yang digunakan dapat diukur menggunakan rumusan ketepatan dan notasi-O. Keputusan menunjukkan prototaip ‘EkstrakPro’ boleh mengekstrak data hidrologi dengan struktur yang berbeza dengan tepat dan menggunakan hanya satu algoritma. Algoritma pengecam jujukan boleh juga mengurangkan masa yang diperlukan oleh pengekstrakan maklumat. Hasil penyelidikan ini membuktikan masalah pengekstrakan maklumat dapat diselesaikan dengan pendekatan ontologi.

ABSTRACT

Information Extraction is a process that extracts information from existing system source and stores into a database. Previous researchers had focus on information extraction for HTML data using wrapper approach. The drawback from this approach is resiliency where wrapper fails to function when the file of interest's structure changes. Ontology based information extraction is an alternative solution for this problem. In this research, ontology based information extraction used hydrological data from Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) as the case study. Ontology based information extraction for hydrology domain or also known as 'EkstrakPro' is divided into three main processes; which are ontology parser process, keyword and sequences recognition process, and a data mapping process. 'EkstrakPro' used two inputs; the hydrology data and ontology extraction. An important feature in 'EkstrakPro' is that ontology extraction, where unit object is introduced to simplify the ontology maintenance. The sequential recognition algorithm is to solve the time consuming issues for extracting sequential data. Five types of hydrological data are used in the experiment. These data are divided into three categories; (i) original data taken from gauging machine, (ii) the altered data and (iii) the different sizes of data. Based on these categories, the information extraction resiliency and time taken have been measured using a precise equation and O-notation. The results show that prototype 'EkstrakPro' can extract different structure hydrology data correctly by using only one algorithm. Using sequential recognition algorithm can also further reduce the time required for extraction of information. The result of the research proves that information extraction can be solved using ontology approach.

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN

AI	-	*Artificial Intelligent*
BYU	-	*Brigham Young University*
CSV	-	*Comma Separated Variable*
IE	-	*Information Extraction*
JPS	-	Jabatan Pengairan dan Saliran
MHIS	-	*Malaysian Hydrology Information System*
MIT	-	*Molecule Information Table*
NPL	-	*Natural Language Processing*
SRM	-	*Single Robust Model*
UO	-	Unit Objek

SENARAI LAMPIRAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bidang *Information Extraction* (IE) adalah satu bidang yang melakukan proses pengekstrakan maklumat daripada data digital. Youn (1992) mendefinisikan pengekstrakan maklumat sebagai satu proses untuk mengekstrak maklumat daripada sumber sistem sedia ada dan seterusnya menyimpannya ke dalam satu fail. Manakala Xiaoying dan Mengjie (2004) mendefinisikan IE sebagai satu proses yang mengambil fail teks sebagai input dan menghasilkan data mengikut format yang diperlukan. Data ini mungkin dipaparkan kepada pengguna, disimpan di dalam pangkalan data atau *spreadsheet* bagi kegunaan analisis.

Di antara kepentingan IE yang dikenal pasti adalah membantu enjin pencarian dokumen daripada halaman web. Teknik pengekstrakan diperlukan dalam mencari maklumat yang tepat daripada satu atau lebih dokumen web. Selain itu IE diperlukan dalam proses pemindahan data daripada sistem asal ke sistem yang baru. Situasi ini sering berlaku apabila pengguna bertukar sistem komputer. Data daripada sistem asal akan di ekstrak dan diubah format yang sesuai dengan sistem yang baru.

Terdapat beberapa pendekatan IE termasuklah bahasa pembangunan *wrapper,* penggunaan struktur data, *Natural Language Processing* (NLP), permodelan dan ontologi. Tumpuan kebanyakan penyelidik adalah meningkatkan ketepatan *wrapper* di samping mengurangkan penglibatan pengguna dalam proses pengekstrakan iaitu secara automatik. Kelemahan utama sistem IE yang

menggunakan pendekatan *wrapper* adalah ia hanya dapat mengekstrak maklumat daripada data dalam berformat yang terhad dan tertentu sahaja.

Sementara itu, terdapat sekumpulan penyelidik daripada Universiti Brigham Young sedang berusaha meningkatkan penggunaan konsep skema yang lebih umum bagi meningkatkan ketepatan IE. Kumpulan ini mula memperkenalkan pendekatan ontologi di dalam IE (Embley et al., 1998). Ontologi adalah spesifikasi dalam membentuk suatu konsep (Gruber, 1993). Dari sudut bidang falsafah, ontologi merujuk kepada suatu kewujudan. Di dalam konsep perkongsian pengetahuan (*knowledge sharing*) aplikasi kepintaran buatan (AI), ontologi adalah penerangan mengenai konsep dan hubungan yang wujud bagi satu agen. Kelebihan utama IE berasaskan ontologi adalah mempunyai ketahanan pengekstrakan maklumat. Menyedari kelebihan ini, bidang IE berasaskan ontologi akan menjadi fokus penyelidikan ini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Penggunaan data digital telah berkembang pesat beberapa tahun kebelakangan ini. Ini kerana dorongan penggunaan *world web wide* (www) yang semakin meningkat. IE digunakan bagi mengekstrak maklumat daripada fail HTML. Pendekatan seperti bahasa *wrapper* (Crescenzi et al., 2001; Hammer et al., 1997; Arocena dan Mendelzon, 1998), NLP (Calif dan Mooney, 1999; Freitag, 2000;Sonderlan,1999) dan permodelan (Adelberg, 1998) diperkenalkan bagi mengekstrak maklumat yang diperlukan pengguna. Walaupun kebanyakan penyelidik melaporkan kejayaan hasil daripada pengujian yang dilakukan, namun pendekatan ini masih mempunyai masalah ketahanan. Kelemahan dari segi ketahanan bermakna sebuah *wrapper* akan gagal berfungsi dengan baik sekiranya terdapat perubahan pada struktur fail yang ingin di ekstrak.

IE berasaskan ontologi adalah penyelesaian kepada masalah ketahanan. Pengekstrakan maklumat ontologi adalah model konsepsi yang menerangkan aplikasi

dunia sebenar dengan terperinci. Ciri penting pendekatan ini adalah ontologi pengekstrakan yang dihasilkan daripada data dalam sesebuah bidang tanpa bergantung kepada struktur fail input.

Oleh sebab kebanyakan IE berasaskan ontologi hanya tertumpu kepada fail HTML, timbul persoalan, apakah pendekatan ini boleh digunakan ke atas dokumen lain selain fail HTML? Dalam penyelidikan kali, kajian akan dilaksanakan ke atas IE berasaskan ontologi dengan menggunakan fail teks. Ini kerana fail teks mengandungi sedikit penunjuk untuk mengenal pasti struktur berbanding dengan fail HTML. Fail HTML mempunyai penunjuk-penunjuk yang membezakan struktur antara permulaan <head>, tajuk <title>, kandungan <body> dan sebagainya. Sementara itu tidak semua elemen di dalam fail teks dipisahkan dengan tanda atau tag HTML. Maka proses IE daripada fail teks adalah lebih sukar daripada fail HTML (Adelberg, 1998).

Menyedari kekurangan penyelidikan ke atas IE berasaskan ontologi bagi data selain HTML, penyelidikan ini telah memilih untuk mengkaji keberkesanan IE berasaskan ontologi dalam mengekstrak data hidrologi. Satu kajian kes dilakukan ke atas *Malaysian Hidrology Information System* (MHIS) dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), yang mana sebelum ini menggunakan pendekatan pengekstrakan data secara tradisional. Penerangan dan kelemahan MHIS akan dibincangkan pada Bahagian Kajian Kes.

1.3 Kajian Kes

MHIS di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah dibangunkan dengan usaha sama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan *Water Institute*, UK. MHIS digunakan untuk menyimpan dan manipulasi maklumat hidrologi yang terdiri daripada beberapa modul antaranya adalah perisian *MHIS Dataload*. Modul ini menyediakan kemudahan untuk memindahkan data hidrologi ke dalam sistem pangkalan data MHIS (Jabatan Pengairan dan Saliran, 2001a).

MHIS Dataload terdiri daripada beberapa algoritma yang dibangunkan khas bagi data taburan hujan, penyejatan, aras air sungai, enapan terapung dan kualiti air. Algoritma pengekstrakan data telah ditulis di dalam atur cara secara tetap (*hardcoded*) bagi setiap jenis data-data di atas. Proses penyenggaraan perisian ini memerlukan banyak usaha dan masa. Berikut adalah beberapa kelemahan *MHIS Dataload* yang telah dikenal pasti :

1. Algoritma mengekstrak data tidak dinamik. Maka algoritma perlu dikemas kini apabila perubahan struktur atau format data berlaku. Perisian perlu dikemaskinikan setiap kali berlaku perubahan struktur data.

2. Satu algoritma digunakan bagi satu jenis data hidrologi. Maka apabila satu jenis data hidrologi baru digunakan, ia memerlukan satu algoritma pengekstrakan yang baru.

3. Algoritma bergantung kepada struktur dan format data. Data yang dihasilkan oleh manusia selalunya mempunyai banyak ralat atau kesilapan. Data yang akan di ekstrak perlu dibersihkan daripada kesilapan dan ralat.

Berdasarkan kelemahan-kelemahan di atas, persoalan yang dikaji adalah apakah IE berasaskan ontologi sesuai untuk data hidrologi dan sekali gus dapat mengatasi kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh MHIS *Dataload* ?

1.4 Motivasi Kajian Kes

Penyelesaian yang dihasilkan di dalam penyelidikan ini akan dapat membantu dalam mempertingkatkan kecekapan dan ketepatan kerja-kerja pemindahan data hidrologi di dalam bentuk teks ke dalam pangkalan data *MHIS* di JPS.

1.5 Pernyataan Masalah Penyelidikan

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji IE berasaskan ontologi dengan menggunakan fail teks hidrologi JPS. Dengan implementasi ontologi pengekstrakan ke atas bidang data hidrologi, perkara berikut perlu diperjelaskan.

1. Bagaimana menghasilkan ontologi pengekstrakan bagi mencapai matlamat penyelidikan?
2. Bagaimana menyatakan dengan cara teratur bagi setiap kata kunci, prosa bidang data hidrologi?
3. Bagaimana maklumat diasingkan daripada sumber data berdasarkan kata kunci di dalam ontologi?
4. Bagaimana menentukan keberkesanan IE berasaskan ontologi mengekstrak maklumat daripada fail teks hidrologi.
5. Apakah pembaikan yang boleh dilakukan ke atas IE berasaskan ontologi dalam mengekstrak fail teks hidrologi.

1.6 Matlamat Penyelidikan

Mengkaji keberkesanan IE berasaskan ontologi dalam mengekstrak maklumat daripada fail teks bidang hidrologi.

1.7 Objektif Penyelidikan

Objektif penyelidikan adalah seperti berikut :

1. Membina ontologi pengekstrakan bagi menterjemahkan kata kunci dan hubungan kata kunci fail teks hidrologi.
2. Membina algoritma pengecam jujukan bagi mengurangkan masa pengekstrakan.
3. Melakukan pengujian pengekstrakan maklumat daripada fail teks hidrologi.

1.8 Skop Penyelidikan

1. Fail yang digunakan adalah fail teks berjujukan, yang mana bentuk jujukan adalah konsisten. Fail input yang digunakan adalah data hidrologi daripada JPS, yang mana ia berada di dalam bentuk berjujukan.
2. Struktur pangkalan data yang digunakan berdasarkan skema yang dijana daripada ontologi pengekstrakan.
3. Ontologi pengekstrakan dihasilkan secara manual bagi menghasilkan ekspresi yang lengkap agar matlamat penyelidikan dicapai.

1.9 Sumbangan Ilmiah

Sumbangan akhir penyelidikan adalah seperti berikut :

1. Di dalam penyelidikan ini, IE berasaskan ontologi telah digunakan ke atas bidang data hidrologi. Kajian menunjukkan bahawa IE berasaskan ontologi dapat digunakan ke atas fail teks berjujukan.

2. Unit Objek (UO) diperkenalkan bagi menyatakan corak kata kunci. UO adalah kaedah menghasilkan kata kunci secara sistematik. Penggunaan UO dapat mengurangkan kesilapan di dalam menghasilkan kata kunci.

3. Penghasilan algoritma jujukan dalam meningkatkan kepantasan masa proses pengekstrakan bagi data berjujukan. Algoritma pengecam jujukan berfungsi sebagai pembaca bentuk jujukan maklumat. Jika bentuk jujukan telah dikenal pasti, maklumat akan di ekstrak tanpa membandingkan kata kunci dan fail teks. Dengan ini dapat masa proses pengekstrakan dapat dipercepatkan.

1.10 Struktur Laporan

Laporan ini secara keseluruhannya terbahagi kepada 6 bab seperti ditunjukkan di dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 : Struktur Laporan

BAB 2

KAJIAN LITERASI

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan beberapa kategori pengekstrakan maklumat (IE) seperti pendekatan bahasa, HTML, induksi, model, NPL dan ontologi. Pemilihan pendekatan yang sesuai dilakukan berdasarkan kajian kes dengan mengambil kira format data hidrologi yang digunakan. Seterusnya perbincangan dilakukan ke atas beberapa metodologi di dalam pembinaan ontologi pengekstrakan hasil penyelidikan terdahulu bagi memilih metodologi yang terbaik. Selain itu, bab ini turut memberi penerangan bagi setiap jenis data hidrologi JPS yang digunakan di dalam penyelidikan ini.

2.2 Pengekstrakan Maklumat (IE)

Penyelidikan ke atas IE banyak tertumpu kepada halaman web. Untuk mengekstrak maklumat daripada halaman web, satu agen perlu mengesan maklumat yang dikehendaki. Percubaan yang terawal dalam mengekstrak maklumat daripada web secara automasi melibatkan penghasilan *wrapper* bagi halaman yang dikehendaki secara manual. *Wrapper* yang dihasilkan adalah khusus untuk halaman yang tertentu mengakibatkan kelemahan dalam proses penghasilannya yang remeh, dan perlu dihasilkan semula sekiranya halaman berkenaan berubah. Oleh kerana ini, ramai penyelidik tertumpu kepada penghasilan *wrapper* secara semi-automasi.

Sehingga kini, terdapat hampir 39 *wrapper* sebagaimana yang dinyatakan oleh Kuhlin (2002). *Wrapper* ini boleh dibahagikan kepada enam kategori iaitu pendekatan bahasa, pendekatan HTML, pendekatan induksi, pendekatan model, pendekatan NPL dan pendekatan ontologi.

- **Bahasa Pembangunan Wrapper**

Salah satu pendekatan terawal yang digunakan untuk menghasilkan penjana *wrapper* adalah pembangunan bahasa yang direka khusus untuk membantu pengguna menghasilkan *wrapper*. Bahasa ini digunakan sebagai alternatif kepada bahasa umum seperti Java dan Perl. Beberapa pengekstrakan yang menggunakan teknik ini adalah Minerva (Crescenzi dan Mecca, 1998), TIMMIS (Hammer et.al, 1997) dan Web-OQL (Arocena dan Mendelzon, 1998).

- **Pendekatan HTML**

Pendekatan pengekstrakan ini bergantung kepada ciri struktur yang diwarisi daripada dokumen HTML untuk melakukan pengekstrakan maklumat. Ia mengesan data berdasarkan lokasi yang telah dihasilkan daripada pohon huraian. Pohon ini adalah perwakilan tag HTML secara hierarki. Pengekstrakan dapat dilakukan secara semi-automatik sekiranya diberi satu contoh, dan automatik sekiranya diberi banyak contoh halaman daripada satu sumber. Antara pengekstrak yang menggunakan pendekatan ini adalah W4F (Sahuguet and Azavant, 2001) dan RoadRunner (Mecca et al., 1998).

- **Pendekatan Induksi**

Pengekstrakan induksi mengenal pasti corak yang terdapat di dalam satu set halaman latihan yang telah dilabel. Perbezaan utama pengekstrakan induksi dengan pengekstrakan yang berasaskan NPL adalah induksi tidak bergantung kepada kekangan linguistik. Malah ianya bergantung kepada format struktur yang

akan menekankan struktur di mana akan ditemui. Ini membuatkan pengekstrakan berasaskan induksi lebih sesuai untuk halaman HTML berbanding teknik sebelum ini. Di antara pengekstrakan yang terdapat di pasaran adalah WIEN (Kushmerick, 2000), SoftMealy (Hsu and Dung, 1998) dan STALKER (Muslea et al., 2001).

- **Pendekatan Model**

Pendekatan ini menggunakan kaedah yang hampir serupa seperti kaedah pendekatan induksi untuk memadankan struktur data yang diberikan oleh pengguna. Pengekstrakan yang menggunakan pendekatan ini adalah NoDoSE (Adelberg, 1998).

- **Pendekatan NPL**

Natural Language Processing (NPL) merupakan satu pendekatan yang digunakan dalam pengekstrakan untuk belajar peraturan pengekstrakan yang dapat mengekstrak maklumat yang dikehendaki dalam dokumen bebas. Pengekstrakan yang berasaskan NPL ini adalah bersesuaian untuk halaman web yang mengandungi teks bertatabahasa, stail telegrafi seperti senarai pekerjaan, iklan sewa rumah, pengumuman seminar dan sebagainya. Antara pengekstrakan yang menggunakan pendekatan ini adalah RAPIER (Calif and Mooney, 1999), SRV (Freitag, 2000) dan WHISK (Sonderlan,1999).

- **Pendekatan ontologi**

Pendekatan ontologi bergantung kepada model konseptual data yang ingin di ekstrak. Ontologi yang diperkenalkan oleh BYU di Universiti Brigham Yoong merupakan perintis bagi kaedah ini (Embley et al., 1998). Kelebihan utama pendekatan ini adalah ianya mudah disesuaikan dalam pelbagai situasi dan juga tahan lasak.

Wrapper yang dihasilkan dari tiga pendekatan pertama (HTML, Induksi dan Model) yang tersenarai di atas hanya dapat mengekstrak data dari halaman serupa dengan halaman latihan. Ia hanya dapat dilaksanakan pada halaman yang sama dari segi formatnya. Ia bermakna latihan perlu dilakukan pada setiap sumber data. Oleh kerana matlamat kajian adalah mengekstrak data hidrologi daripada format data input yang berbeza-beza, maka pendekatan adalah merugikan. Tambahan pula, sekiranya terdapatnya data hidrologi yang baru (dari segi formatnya), maka latihan baru terpaksa dilaksanakan. Pendekatan-pendekatan ini memberi masalah ketika proses penghasilan dan proses penyenggaraannya.

Pendekatan NPL turut tidak sesuai untuk digunakan ke atas data hidrologi kajian kes. Ini kerana pendekatan NPL menggunakan tanda dari struktur ayat yang telah dihuraikan untuk mengenal pasti data yang diperlukan. Data hidrologi tidak mempunyai ayat yang lengkap.

Pendekatan berasaskan ontologi pula amat fleksibel. Ini kerana, ia dapat mengekstrak data tanpa memerlukan set latihan bagi format-format yang berbeza. Berbeza dengan penggunaan *wrapper* di mana setiap format yang berkaitan ke atas sesebuah domain aplikasi, ontologi digunakan bagi merangkumi kesemua data yang berbeza format ke atas satu domain. Oleh kerana ontologi menerangkan domain sebuah subjek berbanding sebuah dokumen. IE berasaskan ontologi adalah tegar ke atas perubahan format data dan dapat mengendalikan data daripada pelbagai sumber tanpa mengganggu gugat ketepatan pengekstrakan. Namun begitu, pendekatan ontologi kurang digunakan berbanding pendekatan *wrapper* yang lain adalah kerana proses penghasilannya yang memerlukan usaha lebih. Pendekatan ontologi adalah pendekatan yang paling sesuai untuk kajian kes kerana menangani pelbagai jenis struktur data teks selain daripada data berstruktur HTML.

2.3 Pengekstrakan berasaskan Ontologi

Rangka kerja sistem yang mengekstrak maklumat struktur daripada dokumen tidak berstruktur berasaskan ontologi mula diperkenalkan oleh Embley et.al (1998). Proses di dalam rangka kerja ini tidak memerlukan campur tangan pengguna dan beroperasi secara automatik. Akan tetapi proses menghasilkan ontologi dibuat secara manual. Dengan menggunakan fail HTML, ujian yang dilaksanakan menunjukkan keputusan dengan ketepatan 99.999%. Ralat di dalam pengujian hanya disebabkan ontologi yang tidak lengkap.



Rajah 2.1: Rangka kerja Pengekstrakan Maklumat berasaskan Ontologi

Rajah 2.1 di atas adalah rangka kerja yang dihasilkan oleh Embley et.al (1998) bagi mengekstrak maklumat daripada data tidak berstruktur. Di dalam rajah tersebut, objek berbentuk kotak mewakili fail manakala bentuk ovul mewakili proses. Input bagi rangka kerja ini adalah ontologi pengekstrakan (*application ontology*) dan dokumen tidak berstruktur (*unstructured document*), dan outputnya adalah dokumen berstruktur (*structured document*). Terdapat tiga proses iaitu penghuraian ontologi (*ontology parser*), pengecam kata kunci (*constant/keyword recognizer*) dan penjana teks berstruktur (*structured text generator*).

Ontologi pengekstrakan adalah ekspresi setiap konteks kata kunci bagi domain yang dikehendaki. Model data *Object-oriented System Model* (OSM) digunakan bagi membina ontologi pengekstrakan. Proses pertama adalah menghurai ontologi pengekstrakan yang akan menghasilkan skema SQL sebagai *createtable statement*. Nama set objek daripada ontologi mewakili atribut jadual SQL yang dijana. Jenis data (*datatype*) *varchar* digunakan bagi setiap atribut bentuk leksikal manakala jenis *integer* bagi objek bukan leksikal. Maklumat hubungan antara objek digunakan dalam deklarasi dan kekangan kardinal skema SQL yang menentukan setiap hubungan sama ada *one to many*, *many to many* dan sebagainya. Akhir sekali penghuraian menghasilkan set peraturan kata kunci.

Proses kedua seterusnya adalah pengecam kata kunci yang menerima input peraturan set kata kunci dan dokumen tidak berstruktur seperti Rajah 2.2. Pengecam mengguna setiap ekspresi kata kunci bagi membandingkan setiap perkataan di dalam dokumen tidak berstruktur. Apabila pengecaman suatu perkataan *S* berdasarkan ekspresi *E* dengan nama *T*. *T* akan dianggap sebagai nama dan *S* sebagai perkataan, set ini dikenali sebagai jadual struktur data. Proses perbandingan setiap perkataan akan menggunakan masa yang banyak jika terdapat rekod sehingga 1000 baris seperti data hidrologi JPS. Sedikit pembaikan perlu dibuat agar masa proses perbandingan kata kunci menggunakan data hidrologi tidak terlalu lama.

```
'96 CHEV Monte Carlo Z34, loaded, bright Red
15,000 actual miles!  A great buy at $14,990,
$750 to 1000 down.  MURDOCK CHEVROLET 298-8090

#####

'94 CHEV Corsica, 88,281 miles.  Ask for #16. $4,900.
Government Surplus533-5885

#####

'89 AUDI 80, red, auto., p/w, p/l, sunroof, loaded, 128K,
new trans., new diff.  Runs perfect, must sell, $3300 obo.
gcall Nate, 554-4414
```

Rajah 2.2: Contoh Dokumen tidak Berstruktur

Bagi proses ketiga, penjanaan teks berstruktur dilaksanakan menggunakan input skema SQL dan senarai objek/hubungan dan kekangan bagi memadankan objek dengan jadual struktur data. Pemadanan dilaksanakan secara heuristik:

- Persamaan kata kunci

  Jika kekangan dalam ontologi memerlukan sekurang-kurang satu *constan* bagi satu set objek, dan jika terdapat konteks kata kunci bagi set objek di dalam jadual struktur data, sistem akan menyingkirkan semua *constan* kecuali ia sama nama dengan nama set objek.

- Mengumpul dan Pertindihan *constan*

  Pengecam kata kunci akan menggabungkan perkataan tunggal di dalam sumber dengan lebih nama set objek. Tetapi bagi perkataan yang diberi daripada teks mungkin hanya menghasilkan *constan* tunggal. Oleh itu jika terdapat pertindihan *constan*, sistem akan menyingkir semua kecuali satu *constan*. Penyingkiran *constan* bermula dengan *constan* yang tidak berkait dengan kata kunci.

- Fungsi hubungan

  Jika ontologi menetapkan pangkalan data boleh menerima banyak *constan* bagi satu objek, O dan terdapat satu *constan* bagi O, simpan *constan* ke dalam pangkalan data.

- Bukan fungsi hubungan

  Jika ontologi menetapkan pangkalan data boleh menerima banyak *constan* bagi satu objek dan jika terdapat satu atau lebih *constan*, simpan semua ke dalam pangkalan data.

- Pertama kali tanpa kekangan

Jika ontologi menetapkan pangkalan data boleh menerima sekurang-kurangnya satu *constan* bagi satu objek, O, tetapi jika terdapat beberapa *constan*, simpan *constan* pertama daripada senarai.

2.4 Ontologi Pengekstrakan

Walaupun terdapat ontologi berskala besar, pengkaji ontologi masih perlu membina ontologi bagi domain tertentu, di samping melakukan pengemaskinian terhadap ontologi berkenaan. Pembinaan ontologi secara manual merupakan satu proses memakan masa dan tenaga yang membebankan. Tambahan pula, proses pengemaskinian yang kadang kala dilakukan dengan kadar perlahan, akan menyebabkan masalah terhadap perkembangan aplikasi ontologi berkenaan.

Permulaan bagi penghasilan ontologi berasal dari situasi yang berbeza. Sesebuah ontologi mungkin dibina dari asas, atau sambungan ke atas ontologi sedia ada, atau dari satu sumber informasi bertulis ataupun gabungan kedua-duanya sekali. Pembinaan ontologi turut bervariasi mengikut tahap pengautomasian, antaranya adalah secara manual sepenuhnya, semi-automatik sehingga automatik sepenuhnya. Namun sehingga kini, penghasilan ontologi secara automatik sepenuhnya hanya berkesan ke atas ontologi yang mudah dengan syarat-syarat yang terhad.

Lazimnya, kaedah untuk membina ontologi dapat diringkaskan sebagai : bawah ke atas iaitu dari pengkhususan ke penyeluruhan, atau atas ke bawah iaitu dari penyeluruhan ke pengkhususan; dan tengah keluar (*middle-out*) iaitu dari konsep-konsep penting ke penyeluruhan dan pengkhususan sebagai contoh O*ntologi Enterprise* dan metodologi ontologi yang dicadangkan oleh Lopez (1999). Terdapat beberapa reka bentuk ontologi yang telah dicadangkan oleh beberapa pengkaji ontologi, di antaranya adalah seperti berikut:

- Guarino (1998) memperkenalkan satu metodologi dalam reka bentuk ontologi yang diinspirasikan dari penyelidikan fisiologi yang dikenali

sebagai '*Formal Ontology*' oleh Cocchiarella (1991). Reka bentuk ini mengandungi teori ke atas keseluruhan, teori ke atas bahagian, teori ke atas identiti, teori ke atas kebergantungan, dan teori ke atas universal. Beliau meringkaskan reka bentuk asas perlulah merangkumi :

1. Jelas mengenai domain
2. Menitik beratkan identiti
3. Mengasingkan struktur taksonomi asas
4. Mengenal pasti peranan dengan tepat

- Uschold dan Gruninger (1996) pula memperkenalkan satu rangka metodologi untuk pembinaan ontologi yang dilakukan secara manual sepenuhnya.
    1. Kenal pasti tujuan dan skop
    2. Bina ontologi dalam tiga langkah mudah iaitu
        - Pengenalpastian Ontologi (*Ontology capture*)
          Pengenalpastian konsep asas dan hubungan serta usaha menyediakan definisi bagi objek dan hubungannya.
        - Pengekodan Ontologi (*Ontology coding*)
          Melakukan terma asas untuk ontologi seperti kelas, entiti dan hubungan; memilih bahasa perwakilan dan seterusnya melakukan pengekodan.
        - Pengintegrasian ke atas ontologi sedia ada
    3. Penilaian dan tafsiran
    4. Dokumentasi
    5. Garis panduan untuk setiap langkah sebelumnya

- *Ontological Design Pattern* (ODP) oleh Reich(1999) digunakan untuk mengabstrakkan dan pengenalpastian struktur reka bentuk ontologi, terma, ekspresi dan konteks semantik. Teknik ini dapat dibahagi kepada pembinaan dan pendefinisian ekspresi yang kompleks dari perwakilan asasnya kepada perubahan secara ketidakbergantungan. Teknik ini telah dibuktikan berkesan ketika di aplikasi ke atas informasi molekular biologi.

Hwang (1999) mencadangkan beberapa kriteria yang perlu ada pada sesebuah ontologi yang telah dibina iaitu :

1. Terbuka dan dinamik – baik dari segi algoritma ataupun strukturnya bagi memudahkan pembinaan dan mengemasi.
2. Dapat diukur
3. mudah untuk dikemaskinikan
4. ketidakbergantungan konteks

Daripada teknik yang dibincangkan di atas, teknik oleh Uschold dan Gruninger (1996) adalah sesuai bagi penyelidikan ini. Ini kerana matlamat penyelidikan yang lebih menjurus kepada mengkaji keberkesanan pengekstrakan maklumat ke atas data teks hidrologi. Penghasilan ontologi secara manual akan mengurangkan risiko kegagalan dalam mencapai matlamat tersebut di mana ekspresi ontologi dapat dinyatakan dengan lengkap. Selain itu, ontologi secara manual masih memenuhi objektif pertama penyelidikan.

2.5 Kajian Kes ke atas Data Hidrologi JPS

JPS memperoleh data hidrologi daripada 2405 stesen cerapan yang dipasang di seluruh Malaysia. Terdapat 5 jenis data hidrologi yang digunakan di dalam MHIS iaitu data taburan hujan, penyejatan, aras air sungai, enapan terapung sungai dan kualiti air sungai. Maklumat yang ingin di ekstrak daripada setiap data-data ini adalah maklumat id stesen, tarikh, masa catatan serta nilainya bacaannya. Format data hidrologi pula adalah berbeza mengikut jenis cerapannya. Secara asasnya terdapat tiga format yang sedang digunakan bagi penyelidikan iaitu SRM, MIT dan CSV.

2.5.1 SRM

Data format SRM digunakan di dalam menyimpan data perakam taburan hujan elektronik model RF14. Menggunakan kad ingatan (kad SRM) sebagai storan,

format ini akan dibaca oleh program yang dinamakan *hydro reader* dan menyimpan data tersebut ke dalam fail SRM seperti ditunjukkan di dalam Rajah 2.3.



Rajah 2.3 : Contoh keratan format SRM

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 2.1, data yang disimpan di dalam format SRM mengandungi kepala (*header*) dan badan (*body*). Kepala mengandungi enam baris yang akan menyimpan maklumat seperti berikut :

Baris pertama :	Nama fail
Baris kedua :	Nombor stesen
Baris ketiga :	Masa dan tarikh bermula (data diambil)
Baris keempat :	Masa dan tarikh berakhir (data berhenti diambil)
Baris kelima :	Jumlah bilangan data
Baris keenam :	Nilai (iaitu pertambahan nilai untuk setiap masa yang diambil)

Untuk bahagian badan pula, tata susunannya adalah berterusan tanpa tab atau pun koma. Perbezaan data diwakili daripada huruf pertama sebelum angka iaitu N (bilangan data ke-n), D (tarikh) dan T (masa). Sebagai contoh, keratan data SRM di Rajah 2.3 akan menghasilkan jujukan maklumat seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.4 di bawah.

N00001D1001***T144045*****N00002**D1001***T164227*****N00003**D1001***T164855***
N00001 D1001 T144045
N00002 D1001 T164227
N00003 D1001 T164855

Rajah 2.4 : Penyusunan format SRM

2.5.2 MIT

Data yang dicerap menggunakan perakam carta perlu ditukar kepada format digital dengan menggunakan program *Box Car*. *Box Car* akan menghasilkan data di dalam fail MIT, iaitu satu format yang boleh dibaca oleh komputer peribadi (PC) atau UNIX. Penyusunan data MIT adalah lebih mudah berbanding SRM. Ini kerana data MIT telah dibahagikan mengikut lajur-lajur yang terdiri daripada nilai, tarikh dan masa yang dijarakkan melalui tab. Rajah 2.5 berikut adalah contoh keratan data format MIT.



Rajah 2.5 : Contoh keratan format MIT

2.5.3 CSV

Comma-delimited format atau CSV adalah data format data yang umum diguna pakai oleh kebanyakan aplikasi komputer. Format ini digunakan bagi menyimpan data yang dikutip secara manual atau elektronik oleh juruteknik JPS. Dengan menggunakan borang-borang yang disediakan oleh pihak JPS (JPS6 Pin. 3/83, JPT IIB – Pin 2/83, JPT 11C – Pin 1/2000), Maklumat dianalisis dan disimpan di dalam bentuk CSV. Data CSV mengandungi tiga lajur iaitu nilai, tarikh dan masa. Berbeza dengan data MIT, data CSV menggunakan (“) pada mula dan (”) pada akhir maklumat. Setiap lajur dibezakan dengan tanda koma (,). Rajah 2.6 menunjukkan contoh data format CSV.



Rajah 2.6 : Contoh keratan format CSV

2.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan IE berasaskan ontologi adalah paling sesuai untuk masalah kajian kes yang telah dibincangkan di dalam Bab 1. Ini kerana format data hidrologi itu sendiri yang berbeza dengan format-format data penyelidikan terdahulu iaitu data teks berjujukan sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bahagian 2.5. Pemilihan metodologi bagi IE berasaskan ontologi dan ontologi pengekstrakan adalah berdasarkan garis panduan yang dicadangkan oleh Embley et al.(1998) dan Ushold dan Gruininger (1996) kerana pengekstrakan ontologi dilakukan secara manual sepenuhnya. Ini bersesuaian dengan matlamat penyelidikan yang lebih menjurus kepada mengkaji keberkesanan pengekstrakan maklumat berasaskan ontologi ke atas data teks hidrologi.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Satu reka bentuk prototaip IE berasaskan ontologi bagi domain kajian kes data hidrologi dikenali sebagai EkstrakPro akan dibincangkan di dalam bab ini. Asas reka bentuk EkstrakPro diambil daripada Embley et al. (1998). EkstrakPro terdiri daripada tiga proses iaitu proses penghuraian ontologi, proses pengecam jujukan dan kata kunci serta proses pemetaan data sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1 mukasurat sebelah. Proses pengecam jujukan adalah penambahan yang dihasilkan daripada penyelidikan ini. EkstrakPro menerima dua input iaitu ontologi pengekstrakan dan data hidrologi.

Proses penghuraian ontologi akan membaca input ontologi pengekstrakan bagi menghasilkan set peraturan kata kunci dan skema pangkalan data. Manakala proses pengecam jujukan dan kata kunci akan menerima input data hidrologi. Set peraturan kata kunci yang dikehendaki akan di ekstrak dari data hidrologi berdasarkan set peraturan kata kunci berkenaan dan seterusnya maklumat-maklumat berkenaan disusun semula ke dalam jadual data berstruktur.

Berikut, proses pemetaan jadual data berstruktur ke dalam pangkalan data. Proses pemetaan data ini menghasilkan pernyataan SQL berdasarkan skema pangkalan data yang diperoleh dari proses penghuraian ontologi dan jadual data berstruktur agar dapat difahami oleh Sistem Pengurusan Pangkalan Data (DBMS). DBMS akan menyimpan data-data ke dalam medan-medan yang telah ditentukan.

Penerangan lanjut mengenai bagaimana membina ontologi pengekstrakan berserta proses-proses di dalam EkstrakPro akan dibincangkan dengan lebih terperinci di dalam bab ini.



Rajah 3.1: Reka Bentuk Embley et al.(1998) Dengan Penambahan Proses Pengecam Jujukan

3.2 Ontologi pengekstrakan

Untuk membina ontologi pengekstrakan, kajian ke atas data hidrologi berserta maklumat yang ingin di ekstrak dari data berkenaan perlu dikaji dengan teliti. Di dalam penyelidikan ini, data hidrologi yang digunakan terdapat dalam tiga format iaitu SRM, MIT dan CSV, sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam bahagian 2.5. Manakala maklumat yang ingin di ekstrak daripada data-data hidrologi ini adalah id stesen serta nama di mana data dicerap, jenis cerapan yang dibuat, tarikh serta masa cerapan dan nilai bacaan cerapan. Seterusnya, langkah-langkah pembinaan ontologi pengekstrakan dilakukan secara manual. Berikut adalah langkah-langkah dalam menghasilkan ontologi pengekstrakan yang diringkas dari metodologi yang di cadangkan oleh Ushold dan Gruininger (1996) :

1. Mendapatkan maklumat yang ingin di ekstrak daripada objek dan hubungan di antaranya dengan menggunakan OSM
2. Menghasilkan unit objek bagi mengenal pasti corak pada maklumat yang ingin di ekstrak.

3.2.1 Penggunaan OSM

Model sistem berorientasikan objek (O*bject-oriented System Model* –OSM) digunakan untuk memberi ontologi pengekstrakan bagi domain data hidrologi. OSM diperkenalkan oleh Embley et al. (1992), mempunyai dua perwakilan grafik dan teks yang saling berkait. Ini membolehkan kita mewakilkan ontologi pengekstrakan bagi data hidrologi dalam bentuk grafik (Rajah 3.2) dan menghuraikannya ke dalam bentuk teks (Rajah 3.3).

Di dalam OSM, segi empat mewakili satu set objek. Segi empat dengan garis putus-putus mewakili set bagi objek bersifat leksikal seperti stesen_Id dan masa cerapan yang mana objek adalah perkataan yang mewakili dirinya sendiri. Manakala segi empat tanpa garis putus pula mewakili set bagi objek tidak bersifat leksikal

seperti stesen dan cerapan yang mana objek adalah pengenalpastian objek yang mewakili entiti dunia sebenar. Garis yang menghubungkan segi empat mewakili satu set hubungan. Di dalam OSM, kolon (:) selepas nama objek seperti *tarikh cerapan : tarikh*, menunjukkan bahawa objek set berkenaan adalah spesialisasi.



Rajah 3.2 : Ontologi data hidrologi JPS secara grafik

Oleh kerana bahasa persamaan untuk model telah didefinisikan untuk OSM oleh Liddle et al. (1995), dengan mudahnya model OSM secara grafik ditukarkan kepada bentuk ayat sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 3.3.

```
Stesen [0:1] mempunyai Stesen_Id [1:*];
Stesen [0:1] mempunyai Nama [1:*];
Stesen [0:1] mempunyai Cerapan [1];
…
Cerapan [0:1] mempunyai Jenis_cerapan [1:*];
Cerapan [0:*] mempunyai Tarikh_cerapan [1:*]
…
Tarikh cerapan [0:*] mempunyai Masa_cerapan[1:*];
…
Masa_cerapan [0:*] mempunyai Nilai_cerapan [1:*];
```

Rajah 3.3 : Ontologi data hidrologi JPS secara teks

3.2.2 Unit Objek

Setelah mengenal pasti objek-objek dan hubungan di antara objek bagi domain hidrologi, langkah seterusnya adalah mengenal pasti corak ke atas maklumat yang ingin di ekstrak. Beberapa contoh data hidrologi dikaji dan corak bagi setiap maklumat dikenal pasti. Untuk memudahkan proses penghuraian ontologi, unit objek (UO) diperkenalkan untuk mewakili setiap corak. Rajah 3.4 di bawah menunjukkan sintek bagi rangka UO. Ciri-ciri penting dalam corak akan diguna menghasilkan deskripsi dalam sintek berkenaan. Setiap rangka UO mempunyai nombor UO, bilangan leksikal berserta satu set sub-rangka. Nombor UO akan mewakili bilangan corak dalam satu jenis maklumat dan bilangan leksikal akan mewakili bilangan sub-rangka. Sub-rangka akan digunakan untuk memberi deskripsi kepada corak. Setiap sub-rangka boleh diwakilkan antara 2 hingga 9 deskripsi.

Nombor Unit Objek : integer

A. Bilangan item leksikal : integer

B. Nombor sub-rangka : integer
1. Nilai : Nilai yang ditetapkan atau nilai default
2. Stail : {tag, char, frasa, ayat, digit, nombor, string}
3. *Instances* : senarai string
4. Pengecualian : senarai string
5. Nombor corak : integer
   Fungsi corak : fungsi
6. Panjang Mak : integer
7. Panjang Min : integer
8. Mak : integer
9. Min : integer

Rajah 3.4 : Sintek Rangka UO

Deskripsi kelima di dalam sub-rangka bagi rangka OU iaitu nombor corak akan mempunyai fungsi corak. Terdapat lima fungsi corak yang dikenal pasti iaitu:

- **Sebarang_string** merujuk kepada apa-apa sahaja (termasuk abjad, nombor dan simbol)
- **Sebarang_digit** merujuk kepada sebarang digit
- **Sebarang_delimiter** merujuk kepada sebarang karakter khusus seperti “space bar” ataupun “tab”
- **Sebarang_tag** merujuk kepada apa yang berada di antara “< ” dan “ > ” seperti < ; >
- **Sebarang_char** merujuk kepada sebarang karakter

Langkah seterusnya adalah mengenal pasti rangka UO bagi maklumat dalam data hidrologi. Penulis telah mengambil beberapa contoh daripada tujuh jenis data hidrologi JPS untuk mengenal pasti corak bagi setiap objek yang digunakan. Terdapat sebanyak 6 jenis objek iaitu Stesen_Id, Nama_stesen, Jenis_cerapan, Tarikh_cerapan, Masa_cerapan dan Nilai_cerapan.

3.2.2.1 Stesen_Id

Daripada contoh-contoh data hidrologi yang digunakan, dapat disimpulkan bahawa stesen-Id diwakilkan oleh 7 digit sahaja. Di antara corak yang dikenal pasti adalah sebelum 7 digit bermula, adanya perkataan ‘SA-R’ ataupun ‘site’ seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 3.5. Rangka UO untuk Stesen_Id dijana sebagaimana yang ditunjukkan dalam Lampiran A.

1632301	1334108	2324032
site 1732001	site 1732501	site 4815001
SA-R4815001	SA-R6915111	SA-R4815001

Rajah 3.5: Contoh Stesen_Id daripada data hidrologi JPS

3.2.2.2 Nama_stesen

Berdasarkan contoh data hidrologi yang telah dipilih, data yang mempunyai corak stesen_Id ‘site 1234567’ sahaja mempunyai nama_stesen. Oleh itu untuk data hidrologi yang tidak mempunyai nama stesen, nama_stesen akan dirujuk dalam pangkalan data berdasarkan maklumat stesen_Id yang telah diperoleh.

3.2.2.3 Jenis_cerapan

Jenis cerapan juga mengalami kes yang sama iaitu tiada jenis cerapan dinyatakan di dalam data hidrologi. Maka, stesen_Id turut memainkan peranan dalam memberikan jenis cerapan dengan merujuk pangkalan data sedia ada.

3.2.2.4 Tarikh_cerapan

Corak untuk tarikh adalah berbeza-beza sebagai contoh untuk 14 hari bulan Jun tahun 2004, mungkin boleh ditulis seperti ‘14/06/2004’ atau ‘04/06/14’ atau ‘14.6.2004’ dan sebagainya. Merujuk kepada contoh data hidrologi sekali lagi beberapa corak tarikh dikenal pasti dan dinyatakan di dalam rajah 3.6.

```
20000104                20020227
SRD-10/01/2002          ERD-27/03/2002
31-DEC-2003  1-JAN-2001
```

Rajah 3.6 : Contoh Tarikh_cerapan daripada data hidrologi JPS

Untuk menjadikan sistem lebih tegar, maka setiap corak tarikh sama ada untuk data hidrologi ataupun bukan telah dikenal pasti. Rangka UO untuk tarikh cerapan telah dibina sebagaimana di dalam Lampiran B.

3.2.2.5 Masa_cerapan

Lazimnya, corak untuk masa akan melibatkan jam, minit dan saat. Ianya juga boleh ditulis dalam format 12 jam atau 24 jam. Berdasarkan contoh data, beberapa corak untuk masa cerapan telah dikenal pasti seperti yang ditunjukkan di dalam rajah 3.7. adalah unit objek yang dihasilkan berdasarkan contoh masa cerapan yang digunakan di dalam data hidrologi. Lampiran C boleh dirujuk untuk mendapatkan rangka UO bagi masa cerapan.

```
09:25               22:45               00:11
8:00:00am           3:45:10pm
SRT-14:30:15 ERT-16:21:52
122504              151722
```

R

Rajah 3.7: Contoh Masa_cerapan daripada data hidrologi JPS

3.2.2.6 Nilai_cerapan

Nilai cerapan berbeza mengikut jenis cerapan yang dilakukan. Sebagai contoh data hidrologi bagi hujan mempunyai nilai ratus bersama dua titik perpuluhan, manakala nilai untuk data hidrologi bagi aras air mempunyai nilai angka tanpa titik perpuluhan. Variasi nilai cerapan ini menyukarkan menentukan corak nilai_cerapan secara tepat. Oleh itu, pengekstrakan untuk nilai cerapan tidak dapat diwakili melalui spesifikasi objek. Nilai_cerapan boleh dikenali melalui nilai *integer* yang berturutan dalam julat semasa data jujukan.

3.3 Proses Penghuraian Ontologi

Di dalam proses ini, ontologi pengekstrakan akan di hurai bagi menghasilkan set peraturan kata kunci dan skema pangkalan data. Rangka unit objek yang dihasilkan semasa ontologi pengekstrakan dibina akan menyumbang kepada set peraturan kata kunci. Setiap rangka unit objek akan menghasilkan satu kata kunci. Jika satu objek, sebagai contoh stesen_Id, mempunyai tiga rangka unit objek, maka tiga kata kunci akan dihasilkan ke dalam satu peraturan stesen_Id.

Skema pangkalan data adalah satu pernyataan SQL yang hasilkan daripada senarai nama set objek, hubungan antara objek dan kekangan. Maklumat objek-objek dan hubungannya digunakan dalam merangka struktur pangkalan data. Objek yang bersifat bukan leksikal akan mewakili jadual di dalam pangkalan data dan nama jadual akan diberi berdasarkan nama set objek tersebut. Manakala objek bersifat leksikal pula mewakili medan di dalam jadual yang mempunyai hubungan. Penormalan jadual dapat dihasilkan dengan menggunakan hubungan di antara objek bukan leksikal.

Sebagai contoh di dalam Rajah 3.8, objek *root* iaitu “stesen” mewakili satu jadual utama (*primary table*) . Objek leksikal yang mempunyai hubungan dengannya iaitu “id”dan “nama” dijadikan sebagai medan bagi jadual tersebut. Hubungan di

antara objek “stesen” dan “cerapan” menentukan “cerapan” adalah jadual kedua (*secondary table*). Seterusnya objek bukan leksikal seperti “jenis”, “tarikh”, “masa”,”nilai” menjadi medan bagi jadual “cerapan”. Oleh kerana jadual cerapan adalah jadual kedua, ia harus mempunyai satu medan yang akan menyimpan hubungan dengan kekunci di dalam jadual utama. Oleh itu “id” daripada jadual stesen akan menjadi medan di dalam jadual cerapan. Penghuraian ontologi pengekstrakan dalam menghasilkan skema pangkalan data diringkaskan di dalam Rajah 3.8.



Rajah 3.8 : Skema pangkalan data daripada ontologi pengekstrakan

Proses penghuraian ontologi akan menggunakan ontologi pengekstrakan untuk menghasilkan set peraturan kata kunci dan skema pangkalan data. Set peraturan kata kunci diperoleh daripada nama U, manakala peraturan pemadanan kata kunci akan merujuk kepada sub-rangka di dalam unit objek.

3.4 Proses Pengecam Jujukan

Pendekatan ontologi sebagaimana yang dicadangkan oleh BYU, akan membuat perbandingan antara data-data di dalam fail dengan kata kunci. Sekiranya data menepati kata kunci yang diperoleh, maka data tersebut akan dimasukkan ke dalam jadual yang telah ditetapkan di dalam pangkalan data. Rajah 3.9 menunjukkan algoritma pengekstrakan data bagi EkstrakPro sebagaimana yang dicadangkan oleh BYU.

```
1.  Baca fail input
2.  WHILE not EOF DO
    {
3.      Baca Baris & Dapatkan current.data
4.      For Bil_KataKunci = 1 to MaxKataKunci
5.      {
6.          Bandingkan KataKunci
7.          IF current.data = KataKunci

8.          {
9.              Masukkan nilai current.data ke DB

10.             Bil_KataKunci = MaxKataKunci

11.         }
12.         ELSE
13.             Bil_KataKunci = Bil_KataKunci +1

14.     }
15.  }
```

Rajah 3.9 : Algoritma EkstrakPro

Baris pertama adalah proses membaca fail input yang ingin di ekstrak. Baris kedua adalah proses pengulangan sehingga akhir fail input terbabit. Baris keempat pula merupakan bacaan ke atas data secara baris ke baris. Baris kelima dalam algoritma tersebut iaitu pengecaman data menggunakan kata kunci yang mana kata kunci dihasilkan daripada penghuraian ontologi. Manakala baris keenam dan ketujuh akan memasukkan data yang telah dikenal pasti ke dalam jadual pangkalan data yang telah ditetapkan semasa proses penguraian ontologi.

Satu masalah yang timbul daripada penggunaan algoritma di atas adalah dari segi masa. Jangka masa proses pengecaman bergantung kepada saiz sesebuah fail bersama dengan bilangan kata kunci.

Tujuan proses pengecaman jujukan adalah untuk mengelakkan proses pengecaman kata kunci yang berulang -ulang. Merujuk kepada data hidrologi dalam contoh di Rajah 3.10, didapati lajur pertama menyimpan maklumat bagi nilai tarikh, lajur kedua menyimpan nilai masa dan lajur ketiga menyimpan nilai bacaan. Dengan memperkenalkan algoritma pengecaman jujukan, proses kata kunci tidak perlu dilakukan ke atas setiap baris data input. Algoritma ini berfungsi untuk mengenal pasti corak susunan jujukan dalam data berkenaan. Setelah corak jujukan dikenal pasti, proses memasukkan data ke pangkalan data akan dijalankan secara automatik tanpa perlu melakukan pengecaman kata kunci pada baris berikutnya.

```
Stesen_id 1234567

1.1.2002        12.00        10
2.1.2002        12.00        56
3.1.2002        12.00        19
4.1.2002        12.00        2
5.1.2002        12.00        56
..
1.1.2004        12.00        7
2.1.2004        12.00        99
```

Rajah 3.10 : Corak jujukan data hidrologi JPS

Secara ringkas, algoritma pengecaman jujukan bertindak dengan cara membandingkan nilai maklumat bagi setiap lajur di antara baris-baris. Sekiranya nilai maklumat untuk baris-baris (sekurang-kurangnya 3 baris) yang dibandingkan adalah sepadan maka, untuk baris-baris berikutnya, nilai lajur telah ditentukan oleh corak jujukan yang dikenal pasti (Rajah 3.11).



Rajah 3.11: Notasi algoritma pengecaman jujukan

Algoritma pengecaman jujukan adalah seperti Rajah 3.12 di bawah. Algoritma EkstrakPro diperbaiki dengan memasukkan algoritma pengecaman jujukan ke dalamnya sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 3.13.

```
Baca fail Input
 While not EOF
          {
                    Baca baris ;
                    Kenalpasti dengan peraturan kata kunci;
                    Simpan nilai kata kunci dalam fail new.keyword;
                    Buat perbandingan dengan previous.keyword;
                    If true {
                    i = i +1;
                    }
                    If i > 3 then {
                              Simpan nilai new.keyword ke dalam
                              PeraturanJujukan.keyword;
                    }
                    else if
                    {
                              new.keyword diumpukan kepada
                              previous.keyword;
                    }
}
```

Rajah 3.12 : Algoritma pengecam jujukan

```
1.  Baca fail input

2.  WHILE not EOF DO

    {
3.  Baca Baris & Dapatkan current.data
4.  Panggil Algoritma jujukan
5.  IF jujukan dikenalpasti == TRUE

6.  {
7.      Masukkan current.data ke DB

8.  }
9.  ELSE

10. {
11.     For Bil_KataKunci = 1 to MaxKataKunci

12.     {
13.      Bandingkan KataKunci

14.      IF current.data = KataKunci

15.      {
16.          Masukkan nilai current.data ke DB

17.          Bil_KataKunci = MaxKataKunci

18.      }
19.      ELSE

20.          Bil_KataKunci = Bil_KataKunci +1

21.     }
22.  }
23.  }
```

Penambahan Algoritma pengecaman jujukan di dalam algoritma pengekstrakan data

Rajah 3.13 : Algoritma EkstrakPro dengan Algoritma jujukan

3.5 Proses Pemetaan

Di dalam proses pemetaan, kata kunci yang di ekstrak akan dipadankan dengan skema SQL untuk memplotkan rekod di dalam skema pangkalan data. Proses ini menghubungkan jadual data berstruktur dengan skema pangkalan data sebelum disimpan ke dalam pangkalan data. Sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam Rajah 3.8 di atas, skema pangkalan data iaitu skema SQL mengandungi dua jadual

iaitu “stesen” dan “cerapan”. Pemetaan ini akan menghasilkan skrip *insert statement*, *standard database query language* (SQL).

3.6 Pengujian

Pengujian dilaksanakan untuk menguji ketahanan pengekstrakan dan kebolehan algoritma pengecam jujukan mengurangkan masa pengekstrakan. Pengekstrakan diuji dengan data hidrologi JPS iaitu data taburan hujan, penyejatan, ketinggian air sungai, enapan terapung dan kualiti air. Bagi menguji ketahanan pengekstrakan, sampel data ujian di ekstrak menggunakan Sistem EkstrakPro. Ketepatan data diplotkan ke dalam pangkalan data menjadi ukuran ketahanan di dalam pengujian ini. Selain menggunakan sampel data ujian, Sistem EkstrakPro juga diuji dengan data yang diubah struktur data.

Pengujian kedua yang dilaksanakan adalah untuk melihat keupayaan algoritma pengecam jujukan rekod mengurangkan masa pengekstrakan. Ini dapat dilihat dengan membandingkan masa pemprosesan pengekstrakan yang menggunakan algoritma pengecam jujukan dengan pengekstrakan tanpa algoritma pengecam jujukan.

3.7 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, metodologi penyelidikan merangkumi proses-proses iaitu membina ontologi pengekstrakan, penghuraian ontologi, pengecam jujukan rekod dan pengujian. Jadual 3.1 menunjukkan input, teknik, output dan sumbangan daripada proses metodologi penyelidikan. Selain daripada itu, reka bentuk asas prototaip EkstrakPro turut dibincangkan bagi membolehkan proses pengimplimentasian dilakukan dengan mudah. EkstrakPro terdiri daripada tiga proses utama iaitu proses penghuraian ontologi, proses pengecam jujukan dan kata kunci serta proses pemetaan data.

Jadual 3.1 : Ringkasan metodologi penyelidikan

	INPUT	***TEKNIK***	***OUTPUT***	***SUMBANGAN ILMIAH***
1.Membina ontologi pengekstrakan	Data hidrologi JPS	OSM, (Embley et al.,1992)	Ontologi pengekstrakan data hidrologi	Ontologi pengekstrakan bidang data hidrologi JPS + Unit Objek
2.Membina penghuraian ontologi	Ontologi pengekstrakan	Algoritma (Embley et al., 1998)	Set peraturan kata kunci + Skema pangkalan data	
3.Membina algoritma pengecam jujukan rekod	Set peraturan kata kunci	Cadangan Penyelidikan	Jadual data berstruktur	Algoritma Pengecaman Jujukan rekod
4.Pengujian	Data hidrologi JPS	Empirikal	- Hasil data yang diplotkan ke dalam pangkalan data -Perbandingan masa pemprosesan	

BAB 4

IMPLIMENTASI

4.1 Pendahuluan

Bagi menguji keberkesanan pengekstrakan maklumat berasaskan ontologi bagi domain hidrologi, satu prototaip pengekstrakan data iaitu EkstrakPro telah dibangunkan. Tujuan utama prototaip EkstrakPro dibina adalah untuk melakukan proses pengujian dan sekali gus membukti ketahanan sistem pengekstrakan data berasakan ontologi dalam domain hidrologi. Antara muka pengguna dibina bagi memudahkan pengguna dalam memanipulasi sistem prototaip berkenaan.

4.2 Spesifikasi Sistem

Pembangunan prototaip EkstrakPro dilakukan dengan spesifikasi berikut :

Sistem OS : Microsoft Window XP
Bahasa Pengaturcaraan : Visual Basic & SQL
Pangkalan Data : Microsoft Access

4.3 Antara Muka Sistem

Satu antara muka pengguna telah dibangunkan bagi memudahkan pengguna memasukkan kedua-dua input iaitu ontologi pengekstrakan dan data hidrologi. Selain itu, antara muka membenarkan maklumat data dan senarai kata kunci dipaparkan. Pengguna juga boleh melaksanakan proses pengekstrakan dengan mengendalikan butang-butang yang telah disediakan. Rajah 4.1 berikut menunjukkan antara muka EkstrakPro bersama fungsi butang-butang di dalamnya. Manakala, saling kaitan di antara reka bentuk prototaip EkstrakPro dengan antara muka yang telah direka dapat dilihat dengan jelas di dalam Rajah 4.2.



Rajah 4.1 : Antara muka EkstrakPro

Ringkasan penerangan bagi setiap butang yang di label pada Rajah 4.1 adalah seperti berikut:

A ***Kontrol Dialog*** - Input lokasi dan nama ontologi pengekstrakan.

B ***Kontrol Dialog*** - Input lokasi dan nama data teks.

C ***Paparan maklumat data*** – Memaparkan kandungan fail yang dibaca.

D ***Penghuraian Ontologi*** – Proses menghasilkan kata kunci dan hubungan kata kunci daripada ontologi pengekstrakan.

E ***Paparan kata kunci*** – Senarai kata kunci dipaparkan di dalam ruangan ini apabila penghuraian ontologi di laksanakan.

F ***Mengekstrak maklumat*** – Proses memadankan kata kunci dengan data dan perlaksanaan pengecaman jujukan rekod.

G ***Butang pemetaan data*** - Memetakan data yang telah di ekstrak ke dalam pangkalan data.

(a) Antara muka EkstrakPro



(b) Reka bentuk Algoritma Pengekstrakan Data

Rajah 4.2 : Reka Bentuk Sistem dan Antara Muka Prototaip EkstrakPro

4.3 Implementasi Proses Penghuraian Ontologi

Fungsi penghuraian ontologi adalah untuk menghasilkan kata kunci dan skema pangkalan data daripada maklumat fail input ontologi pengekstrakan. Fail input bagi ontologi pengekstrakan dihasilkan daripada objek dan hubungan di antaranya bersama-sama senarai UO yang dikenal pasti. Rajah 4.3 memberikan satu contoh fail input ontologi pengekstrakan bagi maklumat Tarikh cerapan.

```
Maklumat Tarikh cerapan
Bilangan corak 3
####[1960 to 2111]##[01 to 12]##[01 to 31]
“SRD” | “ERD””-“##[01 to 31]”/”##[01 to 12]”/”####[1960 to 2111]
##[01 to 31]”-“”JAN” | “FEB” | “MAC” | “APR” | “MAY” | “JUN” | “JULY” | “AUG” | “SEP” | “OCT” | “NOV” |
“DEC””-”####[1960 to 2111]
```

Rajah 4.3 : Input Ontologi pengekstrakan bagi Tarikh Cerapan

Atur cara dimulakan dengan membaca fail ontologi pengekstrakan yang bagi setiap maklumat yang ingin di ekstrak. Bilangan corak bergantung pada bilangan UO yang telah dihasilkan. Setiap baris (bermula dari baris ketiga) dalam fail input ontologi pengekstrakan akan mewakili satu jenis corak. Sekiranya terdapat corak yang baru, pengguna perlu membina UO bagi corak berkenan dan memasukkannya ke dalam fail input sebagai baris yang baru. Rajah 4.4 di sebelah menunjukkan keratan atur cara yang membaca fail input ontologi pengekstrakan dan menyimpannya sebagai satu set kata kunci.

```
Open txtFileName.Text For Input As FP1
Set DB1 = OpenDatabase(DBName, False, False)
Set RS1 = DB1.OpenRecordset("dt_real") 'this opens the whole
table
d = 1

FP1 = FreeFile
'On Local Error GoTo ER1
Open txtFileName.Text For Input As FP1

Do Until EOF(FP1) '
Line Input #FP1, s
'RS1.AddNew

MyPos = InStr(s, "site")
If MyPos > 0 Then
   s1 = Mid$(s, MyPos + 5, 6)
'    txtResults.Text = txtResults.Text & s1 & CRLF
'    RS1.AddNew
'    RS1.Fields(0).Value = s1
'    RS1.Update
   End If

MyPos1 = InStr(s, "Year")
If MyPos > 0 Then
   s2 = Mid$(s, MyPos1 + 5, 4)
   RS1.AddNew

  ' txtResults.Text = txtResults.Text & s2 & CRLF
   'txtResults.Text = txtResults.Text & sArray(i) & CRLF
      ' RS1.AddNew
      ' RS1.Fields(1).Value = sArray(i)
       'RS1.Update
   End If
sArray = Split(s)
m = 0
Dim nm
For i = LBound(sArray) To UBound(sArray)
   MyCheck = sArray(i) Like "*[.]##"

   If MyCheck = True Then
      RS1.AddNew
      RS1.Fields(0).Value = s1
      m = m + 1
      If Not m = 13 Then
      RS1.Fields(2).Value = d & "/" & m & "/" & s2
      RS1.Fields(6).Value = sArray(i)
      RS1.Update
      End If
      If m = 12 Then
      d = d + 1
      End If
```

Rajah 4.4 : Keratan Atur Cara Penghuraian ontologi bagi menghasilkan peraturan kata kunci

Selain set peraturan kata kunci, penghuraian ontologi juga menghasilkan skema pangkalan data dengan menggunakan objek utama sebagai nama jadual dan objek inheren menjadi medan di dalam jadual. Skema struktur pangkalan data ini dibina menggunakan bahasa SQL. Rajah 4.5 di sebelah menunjukkan keratan atur cara bagi skema struktur pangkalan data yang dijana daripada ontologi pengekstrakan.

```
Create table Stesen (
        Stesen_ID integer
        Nama varchar (80),
        Jenis_bacaan (50),
)

Create table Cerapan (
        Stesen_ID integer
        Tarikh varchar(10),
        Masa varchar(10),
        Bacaan real (10)
)
```

Rajah 4.5 : Contoh Skema Pangkalan Data

4.4 Implementasi bagi Proses Pengecaman Jujukan dan Kata Kunci

Set kata kunci yang dihasilkan oleh penghuraian ontologi akan digunakan dalam proses pengekstrakan maklumat daripada data input. Pemadanan set kata kunci dilaksanakan ke atas setiap aksara di dalam data input. Aksara yang telah dikenal pasti sebagai kata kunci akan di ekstrak dan disimpan di dalam jadual data berstruktur. Jadual ini mengandungi data yang di ekstrak dan maklumat pemetaannya. Rajah 4.6 adalah keratan atur cara pengekstrakan maklumat.

```
For i = LBound(sArray) To UBound(sArray)
   MyCheck = sArray(i) Like "*[.]##"

   If MyCheck = True Then
      RS1.AddNew
      RS1.Fields(0).Value = s1
      m = m + 1
      If Not m = 13 Then
      RS1.Fields(2).Value = d & "/" & m & "/" & s2
      RS1.Fields(6).Value = sArray(i)
      RS1.Update
      End If
      If m = 12 Then
      d = d + 1
      End If
   End If
Next
```

Rajah 4.6 : Keratan Atur Cara Pengekstrakan Kata kunci

4.5 Implementasi bagi Proses Pemetaan Data

Data daripada jadual berstruktur akan dipetakan ke dalam pangkalan data menggunakan yang pemetaan data jadual berstruktur dan skema pangkalan data. Maklumat pemetaan akan dipadankan dengan nama medan di dalam skema. Pernyataan *insert* akan dihasilkan untuk dilarikan di dalam sistem pangkalan data Microsoft Access. Rajah 4.7 menunjukkan kenyataan *insert* yang telah dihasilkan.

```
Insert into dt_integer (fid,tid,did,mcode,qcode,val)
        values (“1222352”, “20030204113000”, “”, “101”,”201”,”50080”)
    Insert into dt_integer (fid,tid,did,mcode,qcode,val)
        values (“1222352”, “20030204160611”, “”, “101”,”201”,”50083”)
    Insert into dt_integer (fid,tid,did,mcode,qcode,val)
        values (“1222352”, “20030204180316”, “”, “101”,”201”,”50085”)
    Insert into dt_integer (fid,tid,did,mcode,qcode,val)
        values (“1222352”, “20030205135505”, “”, “101”,”201”,”50078”)
```

Rajah 4.7 : Keratan Pernyataan *Insert*

4.6 Kesimpulan

Implementasi rangka kerja IE berasaskan ontologi telah dilaksanakan. Setiap proses rangka kerja, telah diprogramkan dan hasilnya prototaip EkstrakPro. Dengan input data teks hidrologi JPS dan ontologi pengekstrakan, maklumat yang telah di ekstrak akan dipetakan ke dalam sistem pangkalan data *Microsoft Access*. Sistem prototaip ini membolehkan penyelidikan menjalankan pengujian keberkesanan IE berasaskan ontologi mengekstrak data teks hidrologi.

BAB 5

PENGUJIAN

5.1 Pendahuluan

Proses pengujian merupakan proses kritikal dalam membuktikan penyelesaian yang dipilih adalah bersesuaian dengan masalah penyelidikan. Di dalam bab ini, dua pengujian dijalankan ke atas sistem EkstrakPro, yang pertama adalah untuk menguji ketahanan pengekstrakan maklumat dan kedua adalah untuk menguji masa pengekstrakan. Ketahanan sesebuah IE ditentukan melalui keupayaannya mengekstrak maklumat dari pelbagai jenis data dan menyimpannya ke dalam pangkalan data dengan tepat. Masa pengekstrakan maklumat pula ditentukan bermula dari perbandingan kata kunci sehingga pemetaan maklumat ke dalam pangkalan data.

5.2 Penyediaan Data Ujian

Data ujian terbahagi kepada tiga set data hidrologi. Pertama adalah data hidrologi yang diperoleh dari JPS. Ia merangkumi data-data cerapan bagi taburan hujan, penyejatan, aras air sungai, enapan terapung sungai dan kualiti air sungai. Sebanyak 100 data hidrologi diambil secara rawak daripada 20 stesen cerapan di seluruh Malaysia. Format bagi data-data ini adalah SRM, MIT dan CSV. Beberapa

contoh keratan data hidrologi yang digunakan bagi kategori pertama boleh didapati di dalam Lampiran D.

Manakala kategori kedua adalah data hidrologi rekaan. Set data ini diperoleh dengan melakukan perubahan ke atas data JPS sedia ada bagi mendapat format data yang baru. Beberapa perubahan mudah dilakukan seperti mengubah kedudukan jujukan data, menambah dan membuang jujukan data serta menambah maklumat-maklumat tambahan dalam *header*. Selain daripada itu, data-data baru juga diperoleh daripada kutipan dari internet dan juga dihasilkan sendiri oleh penulis. Sebanyak 30 set data baru telah dihasilkan. Contoh keratan data hidrologi yang digunakan bagi kategori kedua boleh didapati di dalam Lampiran E.

Set data ujian ketiga merupakan data hidrologi yang berlainan saiz namun terdiri daripada satu format iaitu CSV sahaja disediakan. Julat baris yang terkandung dalam fail input adalah di antara 200 hingga ke 1800 baris data. Beberapa keratan contoh data hidrologi daripada set ketiga disertakan di dalam Lampiran F.

5.3 Ujian Ketahanan Pengekstrakan maklumat

Pengujian ketahanan pengekstrakan maklumat bagi sistem EkstrakPro dilakukan dalam dua peringkat. Peringkat pertama adalah perbandingan sistem EkstrakPro dengan sistem *MHIS Dataload*. Perbandingan ini bertujuan untuk membuktikan keupayaan sistem EkstrakPro mengekstrak data adalah setara dengan sistem *MHIS Dataload*. Pengujian dilakukan ke atas set data ujian pertama dan ketepatan pengekstrakan maklumat bagi kedua-dua sistem berkenaan dikenal pasti. Peratus ketepatan diukur berdasarkan rumus di bawah.

$$\text{Peratus ketepatan} = \frac{\text{Bil. maklumat tepat yang telah diekstrak}}{\text{Bil. Maklumat tepat sebenar}} \text{ X } 100$$

Jadual 5.1 di sebelah menunjukkan keputusan pengujian ketahanan pengekstrakan maklumat peringkat pertama. Daripada pengujian ini, didapati keputusan kedua-dua sistem pengekstrakan maklumat secara puratanya hampir mencapai ketepatan 100 %. Namun dengan hanya menggunakan satu algoritma, EkstrakPro berasaskan ontologi dapat mengekstrak maklumat dari pelbagai jenis data hidrologi. Berbeza dengan sistem *MHIS Dataload* yang memerlukan algoritma berbeza untuk setiap jenis data.

Jadual 5.1 : Peratus ketepatan bagi algoritma *MHIS Dataload* dan algoritma EkstrakPro

	Peratus ketepatan	Peratus ketepatan
Taburan hujan	Algo. Taburan Hujan MHIS ~ 100%	Algo. Ontologi ~ 100%
Penyejatan	Algo. Penyejatan ~ 100%	Algo. Ontologi ~ 100%
Ketinggian Air Sungai	Algo. Ketinggian air sungai ~ 100%	Algo. Ontologi ~ 100%
Enapan Terapung	Algo. enapan terapung ~ 100%	Algo. Ontologi ~ 100%
Kualiti Air	Algo Kualiti air ~ 100%	Algo. Ontologi ~ 100%

Satu lagi kelebihan utama menggunakan pengekstrakan maklumat berasaskan ontologi adalah ianya mampu mengekstrak format data baru tanpa perlu melibatkan proses pengaturcaraan semula. Untuk membuktikannya, pengujian ketahanan peringkat kedua dilaksanakan. Pengujian dilakukan ke atas set data ujian kedua yang melibatkan data hidrologi rekaan. Rajah 5.1 menunjukkan keputusan ujian peringkat kedua.

Rajah 5.1 menunjukkan sebanyak 70% data hidrologi rekaan dapat di ekstrak dengan tepat. Baki sebanyak 30% tidak dapat di ekstrak dengan tepat kerana kekurangan dari segi perbandingan kata kunci. Sebagai contoh, untuk data input nombor 21 mempunyai nilai tarikh yang disusun dalam kedudukan Januari, 23, 1999. Oleh kerana tiada unit objek yang menerangkan corak bagi tarikh ini, maka semasa perbandingan kata kunci dilakukan, data ini tidak akan dikenal pasti sebagai tarikh.

Ini menyebabkan data yang di ekstrak tidak tepat. Cara terbaik untuk mengurangkan ralat seperti ini berlaku adalah dengan memastikan unit objek untuk setiap objek yang ingin di ekstrak adalah lengkap.



Rajah 5.1 : Peratus ketepatan pengekstrakan maklumat terhadap jenis data

5.4 Ujian Masa Pengekstrakan maklumat

Tujuan utama pengujian ini dilakukan adalah untuk membuktikan algoritma pengecaman jujukan yang dihasilkan dapat mengurangkan masa pengekstrakan. Pengujian masa pemprosesan ini turut dilakukan dalam dua ukuran. Ukuran pertama menggunakan notasi-O untuk mengira masa algoritma pengekstrakan dalam sistem EkstrakPro. Ukuran kedua akan menggunakan masa pengekstrakan yang dilakukan ke atas set data ketiga.

Notasi-O digunakan untuk menilai sesebuah algoritma yang dibina dari segi masa dan saiz ruang pelaksanaannya. Pengujian kali ini menggunakan notasi-O untuk membandingkan antara algoritma EkstrakPro (Rajah 3.9) dengan algoritma EkstrakPro bersama algoritma jujukan (Rajah 3.13). Dengan beranggapan panjang fail data hidrologi sebagai n dan bilangan kata kunci sebagai m, masa pengekstrakan untuk algoritma EkstrakPro adalah O(mn). Manakala untuk algoritma EkstrakPro bersama algoritma jujukan pula, masa pengekstrakan bergantung pada tiga kes seperti berikut :

1. Kes ideal

Kes ideal diperoleh sekiranya data hidrologi yang di ekstrak mempunyai data-data jujukan dari permulaan fail. Ini bermakna proses perbandingan kata kunci hanya akan dilakukan pada tiga baris pertama sahaja, manakala baris-baris seterusnya akan dilakukan tanpa melakukan perbandingan. Notasi-O bagi kes ideal adalah O(n).

2. Kes sederhana

